

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## HARGA AYAM DI PASARAN

**PUTRAJAYA, 25 JUN 2020** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna (KPDNHEP) memandang serius isu berkaitan kenaikan harga ayam sejurus selepas **tamat** pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan ( SHMMP) seperti yang dilaporkan di media tempatan baru-baru ini.

KPDNHEP mengambil kira pandangan semua pihak termasuk pembekal, peniaga dan pembeli/pengguna berkenaan isu harga ayam yang merupakan sumber protin dan makanan utama rakyat Malaysia terutama setelah ekonomi negara terjejas akibat Covid-19 dan proses pemulihan ekonomi baru bermula. Apa jua keputusan dan tindakan yang diambil oleh kerajaan sentiasa seimbang untuk semua pihak berdasarkan kepada kaedah menang-menang.

KPDNHEP telah mengadakan sesi libat-urus dengan lima syarikat penternak ayam baru-baru ini untuk mendapatkan pandangan dan input di lapangan yang mempengaruhi harga ayam di pasaran terkini.

KPDNHEP telah mengeluarkan Notis 21 di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 kepada semua penternak bagi mendapatkan maklumat dalam mengesan rantaian bekalan sebelum tiba kepada peniaga dan pengguna.

Kementerian juga sentiasa mendapatkan data terkini di mana saya, timbalan saya dan pegawai tinggi Kementerian sendiri turun padang mendapatkan input dari peniaga dan pengguna yang kami temui di pasar awam dan pasaraya.

KPDNHEP juga menggerakkan lebih 1,000 pemantau harga yang mengumpul harga barangan asas termasuk ayam setiap hari di seluruh negara di mana daftar harga tersebut boleh diperolehi dari aplikasi *Price Catcher*.

Di samping itu, 2,300 pegawai penguatkuasa juga memantau dan memeriksa premis perniagaan termasuk bekalan dan harga ayam di kedai runcit, pasar awam dan pasaraya dan bertindak terhadap aduan pengguna.

Kementerian sentiasa membuka pintu kepada peniaga dan pengguna mengenai isu-isu yang berkaitan dengan isu harga barang keperluan bagi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin dan menzahirkan **ekosistem** perdagangan dalam negeri yang beretika dan adil.

Berdasarkan kepada kajian Bahagian Harga Barang Negara, KPDNHEP dan data harga ayam yang dikumpul selama 10 tahun serta pemantauan Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP, mendapati bahawa harga ayam turun naik berdasarkan permintaan dan bekalan. Kenaikan selepas SHMMP didapati dipengaruhi daripada bekalan yang terhad selepas permintaan yang menguncup dan terjejas akibat PKP selama lebih dua bulan di mana premis perniagaan, Restoran, hotel dan majlis keraian tidak boleh beroperasi.

Kementerian yakin ini merupakan fenomena '**cyclicle**' **bekalan yang** bersifat sementara di mana **bekalan dijangkakan akan pulih dalam sedikit masa lagi**. Kementerian akan terus memantau situasi ini dan akan mengambil tindakan dibawah kuasa dan peruntukan akta yang diberikan jika perlu.

Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab, KPDNHEP ingin menasihatkan **semua pemain industri, pemborong dan peniaga** agar bersikap adil dan tidak mengambil kesempatan di dalam situasi sekarang. Kelonggaran yang diberikan membolehkan semua sektor ekonomi beroperasi sepenuhnya setelah terhenti seketika, tidak dijadikan peluang untuk mengaut keuntungan secara tidak munasabah.

Pengguna pula harus sentiasa menjadi pengguna bestari dengan menggunakan semua pilihan yang ada untuk berbelanja. Masih ada premis yang menjual ayam dengan harga yang berpatutan. Pengguna dinasihatkan agar membuat perbandingan harga ayam dan barang keperluan pengguna melalui aplikasi *Price Catcher* yang diperkenalkan oleh KPDNHEP bagi mendapatkan harga dan premis yang terbaik sebelum berbelanja.

KPDNHEP akan terus menggerakkan pegawai-pegawai penguatkuasanya di seluruh negara untuk memantau harga ayam di pasaran tempatan bagi memastikan pengguna tidak terbeban dengan kenaikan tersebut. Pengguna pula disaran agar melaporkan sebarang aduan berkaitan harga barangan pengguna ke kementerian melalui 8 saluran aduan yang disediakan untuk pengguna.

#####

**DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna**

**( KPDNHEP )**

**PUTRAJAYA,**

**25 JUN 2020**

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran. Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampun sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapkan dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusanniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

